

# Adakah anda seorang Penjaga?



Penjaga adalah seorang yang membantu ahli keluarga atau sahabat dengan:



sokongan emosi



membeli barang keperluan



menyedia makanan



memberi ubat



penjagaan diri



membayar bil

## Inikah anda?

Sokongan percuma hanya dengan satu panggilan sahaja. Hubungi **Carers SA** melalui Carer Gateway di **1800 422 737** atau layari **[carerssa.com.au](http://carerssa.com.au)**



An Australian Government Initiative

Connecting carers  to support services

**Carer Gateway** adalah inisiatif Kerajaan Australia yang menyediakan khidmat dan sokongan kepada penjaga tidak berbayar di seluruh Australia. **Carers SA** ialah agensi utama di South Australia yang menawarkan khidmat ini.

Selama 30 tahun **Carers SA** menawarkan sokongan kepada Penjaga tidak bergaji di serata South Australia.

**Carers SA** komited bekerjasama dengan para Penjaga untuk menawarkan sokongan dan perkhidmatan yang penting kepada mereka.

### **Antara khidmat yang ditawarkan:**

- **Sokongan Penjaga** - membantu penjaga mengenalpasti keperluan mereka.
- **Pakej-pakej sokongan yang disesuaikan** - membolehkan Penjaga mendapat akses kepada peralatan atau perkhidmatan yang dapat membantu mereka dalam peranan penjagaan mereka.
- **Kaunseling** - membantu Penjaga berbincang mengenai kekusaran dan kebimbangan mereka.
- **Sokongan rakan senasib** - di mana Penjaga boleh berjumpa mereka yang berada dalam situasi penjagaan seperti mereka.
- **Gantian penjaga waktu kecemasan** - untuk memastikan orang yang dijaga masih mendapat penjagaan sekiranya berlaku perkara yang tidak dirancang atau memerlukan kesegeraan yang menghalang Penjaga berada bersama mereka.
- **Latihan** - mengenalpasti matlamat peribadi dan merancang bagaimana mencapai matlamat tersebut.
- **Nasihat** - memberi maklumat berkenaan khidmat dan sokongan yang tersedia untuk mereka.



Connecting carers ●●●● to support services

*Carers SA is committed to the safety, participation and empowerment of all children and young people.*